

## **MENINGKATKAN KEMAHIRAN MENINGAT HURUF IDGHAM MAAL GHUNNAH MENGGUNAKAN GABUNGAN KAEDAH ILUSTRASI KARTUN, PERGERAKAN DAN NYANYIAN**

Oleh

**SUHANA BINTI UDIN**  
**sue\_solehah@yahoo.com.my**

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk menambah baik amalan pengajaran dan pembelajaran saya dalam meningkatkan kemahiran mengingat huruf Idgham Maal Ghunnah dengan menggunakan gabungan kaedah ilustrasi kartun, pergerakan dan nyanyian dalam kalangan murid Tahun Empat. Responden dalam kajian ini terdiri daripada 22 orang murid dari Tahun 4 Intan SK Satria Jaya Kuching yang mana mempunyai tahap akademik yang sederhana. Data dikumpulkan melalui pemerhatian, ujian pra, ujian pos, temu bual dan soal selidik. Dapatan kajian dianalisis menggunakan kekerapan dan peratusan serta analisis kandungan. Saya menggunakan triangulasi kaedah, sumber dan masa dalam proses penyemakan data yang ditafsir. Keputusan kajian menunjukkan sebanyak 60% murid yang sangat lemah dalam ujian pra meningkat kepada 100% cemerlang dalam ujian pos. Peningkatan drastik ini menunjukkan keberkesanan kaedah yang digunakan sekaligus membantu menambah baik amalan pengajaran saya. Saya ingin melanjutkan kajian ini dengan mengaplikasikan kaedah-kaedah ini dalam hukum nun mati dan tanwin agar gabungan kaedah ini dapat menyumbangkan hasil secara optimum.

*Kata kunci: kaedah ilustrasi kartun, kaedah pergerakan, kaedah nyanyian, kemahiran mengingat, Huruf Idgham Maal Ghunnah*

### **ABSTRACT**

The objective of this research is to improve my teaching and learning methods in developing the skills of memorising 'idgham maal ghunnah' letters using the cartoon illustration method, movement and singing among the Year 4 students. The respondents of this research consist of 22 Year 4 students from SK Satria Jaya Kuching which has the medium academic level. Data are collected through observation, pra test, post test, interview and questionnaires. The collected data are being analysed using frequency and percentage and also content analysis. The triangulation method, source, and time in the process of checking the interpreted data are used. The result of the research shows that 60% of the students who are poor in the pre test has increased to 100% excellence in the post test. This drastic improvement shows that the methods that I had used to help in the improvisation of my teaching methods are very effective. I would like to further this research by applying the cartoon illustration method, movement and singing in 'nun mati' rule and 'tanwin' so that these methods can give optimum contribution.

*Keywords: Cartoon illustration method, movement method, singing method and memorising skills, Idgham Maal Ghunnah letters.*

## PENGENALAN

### Konteks

Saya merupakan guru pelatih Pengajian Agama Ambilan Januari 2009 yang telah menjalani praktikum di SK Satria Jaya (dengan izin) yang terletak di tengah bandar Kuching. Sekolah ini merupakan sekolah Gred B yang dilengkapi dengan kemudahan infrastruktur yang lengkap. Pada tahun 2012, bilangan murid yang beragama Islam di sekolah ini berjumlah 313 orang dan merupakan golongan yang minoriti. Saya telah mengajar subjek Pendidikan Islam dalam bidang Pendidikan Al-Quran bagi Tahun 4 Intan. Tahun 4 Intan terdiri daripada 22 orang murid yang mempunyai tahap akademik yang sederhana. Menurut Siasis (1998), menyatakan pengajaran yang berkesan bergantung kepada kemahiran guru, bahan pengajaran pedagogi dan strategi yang diaplikasikan. Justeru, menjadi tanggungjawab saya menyediakan set pengajaran dan pembelajaran (P&P) yang efektif supaya pengajaran menjadi lebih bermakna serta dapat mengelakkan murid-murid yang lemah daripada ketinggalan dalam pelajaran mereka.

### Refleksi Pengalaman Pengajaran dan Pembelajaran

Berdasarkan pemerhatian saya dalam proses pengajaran dan pembelajaran, saya dapati murid dalam kelas saya sangat bermasalah dalam mengingat huruf-huruf *Idgham Maal Ghunnah*. Pada mulanya saya menjangkakan mereka mampu untuk mengingat huruf-huruf tersebut kerana bilangan huruf tersebut adalah sedikit dan mudah untuk diingati. Malah, saya hanya menggunakan kaedah penerangan, soal jawab dan latih tubi semata-mata dalam menguji ingatan mereka. Semasa sesi soal jawab pada hari P&P mereka dapat mengingat huruf-huruf tersebut tetapi setelah saya mengadakan sesi P&P pada hari yang lain atau minggu yang berikutnya mereka sudah mula lupa akan huruf-huruf tersebut.

Mann (1970), menyatakan bahawa guru yang efektif dapat mengukuhkan ingatan pelajar mereka terhadap sesuatu topik menerusi bahan yang menarik dan kepelbagaian kaedah pengajaran yang dinamik. Justeru, saya perlu mengambil inisiatif yang sewajarnya dalam meningkatkan amalan semasa P&P untuk membantu murid Tahun 4 Intan meningkatkan kemahiran mengingat mereka terhadap huruf-huruf *Idgham Maal Ghunnah* melalui gabungan kaedah yang akan saya gunakan kelak.

### Isu Keprihatinan

Sebelum memulakan sesi P&P Al-Quran, saya telah melaksanakan ujian pra terhadap murid-murid Tahun 4 Intan. Ujian ini bertujuan untuk mengetahui pengetahuan sedia ada murid mengenai hukum *Idgham Maal Ghunnah*. Murid-murid dikehendaki mewarnakan huruf *Idgham Maal Ghunnah* iaitu empat huruf dan memilih tiga kalimah yang mengandungi hukum *Idgham Maal Ghunnah*. Jadual 1 menunjukkan skor markah ujian pra Tahun 4 Intan.

Jadual 1 : Skor Markah Ujian Pra Tahun 4 Intan

Skor	Kekerapan	Peratus (%)
0 -1 (sangat lemah)	12	60
2 -3 (lemah)	4	18
4 - 5 (sederhana)	6	27
6 - 7 (cemerlang)	0	0
JUMLAH	22	100

Daripada hasil dapatan yang diperolehi, saya mendapati peratus murid-murid sangat lemah adalah tinggi iaitu sebanyak 60% manakala peratus bagi skor markah cemerlang ialah 0%. Ini menunjukkan penguasaan murid-murid sangat lemah dalam hukum *Idgham Maal Ghunnah*. Manakala 18% bagi skor lemah dan 27% bagi skor sederhana. Oleh itu saya perlu mengambil tindakan yang sewajarnya untuk mengatasi masalah ini.

Saya bersetuju dengan pendapat yang dikemukakan oleh pengkaji Norhidayah Mahmood (2011), menyatakan perkara asas dalam mempelajari hukum tajwid adalah dengan mengingat huruf-huruf dalam sesuatu hukum tajwid. Justeru, fokus kajian saya adalah untuk menambah baik amalan P&P agar murid dapat meningkatkan kemahiran mengingat huruf *Idgham Maal Ghunnah* serta menilai sejauh manakah keberkesanan kaedah ilustrasi kartun, pergerakan dan nyanyian dapat mengatasi masalah murid dalam kemahiran mengingat huruf-huruf *Idgham Maal Ghunnah*.

### **Objektif Kajian**

Kajian ini dijalankan untuk menambah baik amalan P&P saya dalam meningkatkan kemahiran mengingat huruf-huruf *Idgham Maal Ghunnah* melalui penggunaan kaedah ilustrasi kartun, pergerakan dan nyanyian dalam kalangan murid tahun 4 Intan serta menilai keberkesanan gabungan kaedah ini dalam mengatasi masalah murid mengingat huruf-huruf *Idgham Maal Ghunnah*.

### **Persoalan Kajian**

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menjawab persoalan kajian berikut.

- a) Adakah penggunaan kaedah ilustrasi kartun, pergerakan dan nyanyian membantu menambah baik amalan P&P saya dalam meningkatkan kemahiran mengingat huruf-huruf *Idgham Maal Ghunnah*?
- b) Sejauh manakah keberkesanan penggunaan kaedah ilustrasi kartun, pergerakan dan nyanyian dapat mengatasi masalah mengingat huruf-huruf *Idgham Maal Ghunnah* dalam kalangan murid tahun 4 Intan?

## **PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN TINDAKAN**

### **Perancangan Tindakan**

Berdasarkan kepada fokus kajian dan analisis permasalahan yang dihadapi, saya perlu mengambil inisiatif yang sewajarnya dalam meningkatkan amalan semasa P&P untuk membantu meningkatkan kemahiran mengingat murid terhadap huruf-huruf *Idgham Maal Ghunnah*. Saya merasakan pembelajaran secara manual dan tradisional sangat membosankan murid dan mengurangkan tumpuan murid untuk memberi perhatian semasa proses P&P. Menurut Davis (1997), pengajaran tradisional di dalam bilik darjah boleh mengakibatkan para pelajar bergantung penuh kepada guru mereka. Ini disebabkan kaedah ini terlalu bergantung kepada buku teks serta kaedah penyampaian kapur dan papan hitam yang menjadikan pembelajaran kurang memberangsangkan dan kurang membantu dalam mengukuhkan ingatan murid terhadap isi pelajaran. Kaedah tersebut adalah bersifat statik dan menjemukan pelajar serta kurangnya penguasaan murid terhadap sesuatu topik yang dipelajari.

Oleh itu, saya telah berusaha sebaik mungkin dalam menambak baik amalan P&P saya melalui penggunaan kaedah ilustrasi kartun, nyanyian dan pergerakan untuk membantu murid-murid meningkatkan kemahiran mengingat huruf-huruf *Idgham Maal Ghunnah*. Saya bersetuju dengan pendapat Mann (1970), yang menyatakan bahawa guru yang efektif dapat mengukuhkan ingatan pelajarannya terhadap sesuatu topik menerusi bahan yang menarik dan persembahan yang dinamik. Justeru, kepelbagaian dalam kaedah dan media pengajaran sebagai bahan bantu mengajar (BBM) seperti penggunaan kartun, nyanyian dan gerakan akan merangsang minat murid dan mampu mengukuhkan ingatan murid terhadap pembelajaran khususnya dengan bantuan animasi, gerakan bukan lokomotor, interaksi dan sebagainya.

Saya menggunakan kaedah ilustrasi kartun untuk mengukuhkan ingatan murid. Kartun yang dipilih adalah kartun Boboiboy yang merupakan kartun pilihan dan kesukaan murid hasil tinjauan semasa saya melaksanakan sesi pengajaran dan pembelajaran lepas. Menurut pengkaji Mohammad Khairul Bazli Draman (2011), pemilihan bahan kartun sebagai bahan bantu mengajar sangat mempengaruhi pencapaian dan ingatan serta kefahaman murid terhadap sesuatu pengajaran dan pembelajaran. Hal ini jelas menunjukkan penggunaan kartun sebagai satu medium yang boleh menarik minat murid sekaligus meningkatkan daya ingatan murid terhadap sesuatu topik yang diajar. Penggunaan kartun Boboiboy bertepatan dengan jumlah huruf *Idgham Maal Ghunnah* iaitu empat huruf.

Mohammad (1978), menyatakan bahawa guru yang efektif dapat mengukuhkan ingatan pelajarannya terhadap sesuatu topik menerusi gerakan lokomotor dan bahan yang menarik dengan persembahan yang dinamik. Oleh itu, saya menggunakan kaedah pergerakan dalam mengukuhkan ingatan murid. Hasil daripada kajian Pavlov, pembelajaran boleh berlaku akibat kaitan diantara ransangan dengan gerak balas. Dalam kajian saya, lagu *Idgham Maal Ghunnah* merupakan ransangan luaran yang saya berikan kepada murid-murid. Gerak balas murid-murid pula ialah dengan menyanyikan lagu *Idgham Maal Ghunnah* serta membuat pergerakan atau tingkah laku yang bersesuaian seperti huruf ya dengan gaya pergerakan seperti seekor itik, huruf wau dengan gerakan seperti seorang yang sangat teruja dan menyebut perkataan "WOW!", manakala huruf mim dan nun seperti seseorang yang hendak "Mi..Num".

Seterusnya, saya gunakan kaedah nyanyian untuk mengukuhkan lagi ingatan murid. Nyanyian ini dilaksanakan pada P&P yang berikutnya. Menurut Mok Soon Sang dan Lee Shok Mee (1988), menyanyi adalah aktiviti yang berlaku dalam kehidupan kita yang sebenar dan aktiviti ini boleh dibawa ke bilik darjah sebagai satu kegiatan lisan yang menarik disamping menjadikan nyanyian sebagai medium terbaik dalam mengukuhkan ingatan murid. Kanak-kanak suka menyanyi dan bagi kanak-kanak yang masih belajar, menganggap menyanyi lebih sebagai satu bentuk bermain dan berehat.

Melalui nyanyian mereka akan berasa terhibur dan dapat menenangkan fikiran mereka. Dalam konteks mengukuhkan kemahiran murid, menyanyi merupakan satu kegiatan yang dapat membantu guru mencapai matlamat tersebut (Mohd Soffwan, 1998). Ini adalah kerana nyanyian itu sendiri memerlukan penyebutan bunyi dengan jelas dan betul, mengikut rentak dan irama serta disampaikan mengikut tekanan,

intonasi dan nada tertentu. Guru boleh menyediakan seni kata lagu mengikut isi dan bahan pelajaran yang dipilih.

Oleh itu, saya telah mencipta seni kata lagu untuk memudahkan ingatan murid terhadap huruf-huruf *Idgham Maal Ghunnah*. Lirik dalam lagu tersebut ada dinyatakan huruf-huruf *Idgham Maal Ghunnah* dan pergerakan setiap huruf serta cara bacaan *Idgham Maal Ghunnah*. Aktiviti ini dilakukan secara kelas, kumpulan dan individu. Sebutan huruf dilakukan mengikut tempo laju dan sederhana. Guru akan memberi penerangan hukum *Idgham Maal Ghunnah* berdasarkan kepada lagu tersebut. Murid menyanyi beberapa kali dan berlaku soal jawab antara guru dan murid.

Justeru, saya optimis bahawa melalui gabungan kaedah-kaedah ini akan membantu menyelesaikan masalah murid Tahun 4 Intan dalam mengingat huruf-huruf *Idgham Maal Ghunnah*.

### Pelaksanaan Tindakan

Ringkasnya, kajian ini akan dimulakan dengan langkah yang pertama iaitu memperkenalkan huruf-huruf *hijaiyyah* tunggal kepada murid-murid. Pada langkah yang kedua, guru akan memaparkan kartun Boboiboy yang mempunyai empat watak utama dan mengaitkan bilangan watak dengan jumlah huruf *Idgham Maal Ghunnah*. Rajah 1 menunjukkan gambar kartun Boboiboy.



Rajah 1: Gambar Kartun Boboiboy beserta Huruf *Idgham Maal Ghunnah*.

Selepas memperkenalkan watak Boboiboy kepada murid, guru akan memaparkan huruf-huruf *Idgham Maal Ghunnah* dan menunjukkan cara mengingat dengan menggunakan kaedah pergerakan. Rajah 2 memaparkan ringkasan pergerakan huruf.



Rajah 2: Ringkasan Pergerakan Huruf *Idgham Maal Ghunnah*

Contohnya, huruf yadiwakili oleh pergerakan itik (tangan diletakkan disisi peha dan dibengkokkan sambil badan digerakkan-gerakkan), huruf waudiwakili oleh perkataan "WOW" seolah-olah seseorang yang amat teruja dengan sesuatu perkara seterusnya huruf *mim* dan *nun* mewakili pergerakan orang yang hendak *mi..num*. Seterusnya, guru akan memaparkan lirik lagu huruf *Idgham maal ghunnah* yang disertai dengan pergerakan-pergerakan yang telah diajar. Pada langkah berikutnya, guru akan mengedarkan lembaran kerja kepada murid-murid.

## **METODOLOGI**

### **Peserta Kajian**

Saya menjalankan kajian terhadap 22 orang pelajar yang terdiri daripada 13 orang lelaki dan 9 orang perempuan. Peserta kajian ini terdiri daripada penduduk kawasan bandar dan majoriti ibu bapa adalah bekerja sebagai penjawat awam. Kebanyakan ibu bapa bekerja sebagai pensyarah, jurutera, pegawai tadbir dan sebagainya. Selain itu, peserta kajian ini juga merupakan murid yang sederhana dalam tahap pencapaian akademik. Ini dibuktikan dengan markah ujian pengesanan Mei 2012 Pendidikan Islam menunjukkan penguasaan yang masih lemah dalam bidang Al-Quran.

### **Etika Penyelidikan**

Etika Penyelidikan Tindakan (PT) ini merujuk kepada kesesuaian tindakan saya selaku penyelidik terhadap peserta kajian yang menerima kesan PT ini. Sebelum pelaksanaan PT, pihak IPG KBL telah memohon kebenaran daripada pihak pentadbiran SK Satria Jaya secara formal untuk membenarkan saya menjalankan PT ini. Pihak sekolah memberikan kebenaran kepada saya untuk menjalankan PT ini. Selain itu, peserta kajian diberitahu bahawa segala jawapan dan respon mereka tidak akan diubahsuai dan dipalsukan demi kepentingan diri saya atau pihak lain. Mereka dimaklumkan berhak membaca laporan kajian yang saya hasilkan bagi tujuan penyemakan.

### **Teknik Mengumpul Data**

#### **a) Pemerhatian**

Saya menggunakan nota lapangan dan rakaman video untuk mengumpul data pemerhatian. Saya mencatat peristiwa berlaku, tingkah laku murid dan perkara luar jangkaan dalam fail nota lapangan. Rakaman video digunakan untuk merakam proses P&P dan memudahkan saya merujuk semula P&P yang telah dilaksanakan. Pemerhatian secara berterusan membolehkan saya melihat perkembangan peserta kajian iaitu murid-murid Tahun 4 Intan dalam mengingat huruf-huruf *Idgham Maal Ghunnah* melalui gabungan kaedah ilustrasi kartun, pergerakan dan nyanyian.

#### **b) Ujian Pra dan Pos**

Ujian Pra dilaksanakan sebelum tindakan manakala ujian Pos dilaksanakan selepas tindakan dijalankan.

#### **c) Soal Selidik**

Borang soal selidik digunakan bertujuan untuk mendapat maklum balas terhadap keberkesanan penggunaan kaedah ilustrasi kartun, pergerakan dan nyanyian dalam meningkatkan kemahiran mengingat murid Tahun 4 Intan.

#### **d) Temu bual**

Saya menggunakan kaedah temu bual untuk mendapat pandangan, perasaan dan cadangan peserta kajian dan guru pembimbing, Ustazah June (nama sebenar, dengan izin) yang selaku pemerhati terhadap pelaksanaan tindakan P&P terutamanya penggunaan gabungan kaedah ilustrasi kartun, pergerakan dan nyanyian dalam membantu murid mengingat huruf *Idgham Maal Ghunnah*. Temu bual individu dilakukan secara bersemuka melalui beberapa siri soalan pra-penentuan dan soalan terbuka dibangunkan sewaktu temu bual berlangsung. Setiap sesi temu bual telah dirakam dengan rakaman video dan dicatat secara tulisan.

### **Teknik Menganalisis Data**

#### **a) Analisis kandungan**

Saya membaca catatan nota lapangan berulang kali dan melabelkan perkara penting dalam item pemerhatian. Item seperti minat, penglibatan murid, tingkah laku, keadaan kelas telah dikenal pasti semasa analisis kandungan nota lapangan. Saya meneliti rakaman video dan mencatat perkara penting yang berhubung dengan dua soalan kajian dan masalah yang timbul. Catatan dikelaskan dalam item pemerhatian untuk memudahkan penginterpretasian data yang dikumpul.

#### **b) Soal selidik**

Penganalisan data dalam borang soal selidik dibuat dengan mengira darjah persetujuan peserta kajian terhadap setiap item dalam borang soal selidik mengikut nilai skor sangat setuju, setuju dan tidak setuju.

#### **c) Temu bual**

Isi perbincangan temu bual ditranskripsikan dalam bentuk teks, ditaip dalam komputer dan dianalisis secara manual. Saya memetik ungkapan sebenar peserta kajian dan dijadikan data sokongan berhubung dengan soalan kajian. Data dalam transkrip temu bual dibahagi kepada unit-unit analisis dan segmen yang bermakna, segmen-segmen dikodkan dan dikategorikan dalam tema yang sesuai. Saya membuat koding semasa menganalisis data temu bual. Contoh-contoh koding adalah seperti yang ditunjukkan pada Jadual 2.


*Jadual 2: Contoh Pengkodan Data Temu Bual*

Pengekodan Data	Perincian Pengekodan Data
TB01 UJ 030721012	Temu bual pertama bersama guru pembimbing Ustazah June pada 3 Julai 2012.
TB02 UJ 09072012	Temu bual kedua bersama guru pembimbing Ustazah June pada 9 Julai 2012
TB00 M1 12072012	Temu bual bersama Murid 1 pada 9 Julai 2012
TB00 M2 09072012	Temu bual bersama Murid 2 pada 9 Julai 2012

### **Teknik Menyemak Data**

Saya menggunakan triangulasi kaedah, sumber dan masa untuk menyemak data yang ditafsir. Semasa triangulasi kaedah, saya menggunakan borang matriks untuk membandingkan sumber data yang dikumpul melalui rakaman video, nota lapangan, temu bual, ujian pra dan pos, dan borang soal selidik. Perbandingan ini

membantu saya menyemak kredibiliti data yang diperolehi. Rajah 3 ialah contoh borang matriks yang disediakan.



Rajah 3: Contoh Borang Matriks


Triangulasi masa dijalankan dengan membanding hasil tinjauan awal dan tinjauan akhir peserta kajian melalui tempoh pelaksanaan tindakan yang dijalankan. Triangulasi sumber pula hanya melibatkan Ustazah June. Saya mendapatkan pandangan beliau secara kritikal mengenai pelaksanaan kajian ini untuk tujuan penyemakan data dan mengelak daripada terlepas pandang perkara yang penting.

## REFLEKSI

### Refleksi Dapatan

**Adakah penggunaan kaedah ilustrasi kartun, pergerakan dan nyanyian membantu menambah baik amalan P&P saya dalam meningkatkan kemahiran mengingat huruf-huruf Idgham Maal Ghunnah?**

Dapatan kajian menunjukkan melalui penggunaan kaedah ilustrasi kartun, pergerakan dan nyanyian, saya telah meningkatkan penglibatan murid-murid sepenuhnya dalam pengajaran hukum tajwid Idgham Maal Ghunnah. Gabungan kaedah yang dilaksanakan memberi impak positif dalam penglibatan keseluruhan murid. Ini disokong oleh kajian lepas Norhidayah Mahmood (2011), pengaplikasian kaedah P&P yang berkesan berjaya meningkatkan penglibatan murid secara maksimum dalam kelas. Saya telah menggunakan kaedah ilustrasi kartun dan pergerakan pada P&P 1. Berdasarkan nota lapangan P&P 1 pada 3 Julai 2012 menunjukkan peningkatan penglibatan diri secara aktif keseluruhan murid dalam P&P yang diadakan.



Rajah 3: Catatan Nota Lapangan P&P 1 (3 Julai 2012)




Catatan nota lapangan tersebut menunjukkan keseluruhan murid melibatkan diri secara aktif dalam P&P serta menunjukkan minat dan berinisiatif dalam menjawab soalan yang diajukan oleh saya. Persaingan yang sihat juga dapat diwujudkan semasa mereka menggayakan pergerakan satu persatu huruf *Idgham Maal Ghunnah* dengan menggunakan kaedah ilustrasi kartun dan pergerakan. Usaha ini diteruskan untuk lagi pada sesi P&P 2 dengan menambah satu lagi kaedah iaitu kaedah nyanyian untuk mengukuhkan ingatan mereka.

<p>-Pelibatan murid-murid tahun 4 ini semakin aktif dalam P&amp;P 2 apabila saya memasukkan kaedah nyanyian dalam mengingat huruf-huruf <i>Idgham Maal Ghunnah</i>. Kemudian mereka menggunakan kaedah ilustrasi kartun boboiboy dengan mengaitkan jumlah huruf dan watak seterusnya mereka membuat pergerakan huruf. Akhir sekali mereka menggabungkan ketiga-tiga kaedah tersebut dalam aktiviti nyanyian. Hasilnya, mereka mampu untuk mengingat kesemua huruf <i>Idgham Maal Ghunnah</i>.</p>	<p>Penglibatan peserta kajian semakin aktif dengan penambahan kaedah nyanyian dalam mengingat huruf <i>Idgham Maal Ghunnah</i>.</p> <p>Mereka menunjukkan gabungan ketiga-tiga kaedah ini dalam mengingat huruf <i>Idgham Maal Ghunnah</i>.</p>
---	---

Rajah 4: Catatan Nota Lapangan P&P 2 (9 Julai 2012)


Catatan nota lapangan P&P 2 pada 9 Julai 2012 dalam rajah 4 telah menunjukkan penglibatan aktif peserta kajian semakin meningkat. Perkara ini dapat dilihat apabila saya menambah kaedah nyanyian dalam membantu murid mengingat huruf *Idgham Maal Ghunnah*. Mereka mampu untuk mengingat kesemua huruf tersebut dengan menggabungkan kaedah-kaedah ini. Penglibatan aktif murid-murid dalam proses P&P dapat membantu meningkatkan pencapaian mereka dalam pelajaran dan secara langsung akan mencapai objektif P&P (Mohd Soffwan, 1998).

Selain itu, Saya turut menggunakan pendekatan pengajaran yang lebih sistematik dan menarik dengan penciptaan grafik yang menarik sebagai ringkasan penggunaan kaedah ilustrasi kartun dan pergerakan dalam meningkatkan kemahiran mengingat murid terhadap huruf-huruf *Idgham Maal Ghunnah*. Penggunaan grafik ini sangat menarik perhatian mereka dan berminat untuk menjadikan grafik tersebut sebagai koleksi peribadi mereka. Ini disokong oleh kajian-kajian lepas seperti Thompson (1992), Lai Kim Leong, Khaw Ah Hong dan Seah Ai Kuan (2001) dan Norma Binti Haji Hassan (2004) bahawa BMM efektif dalam pembelajaran murid dan pengajaran guru. Rajah 5 menunjukkan grafik yang direka khas untuk memudahkan ingatan murid.



Rajah 5: Grafik Ringkasan Hukum Tajwid *Idgham Maal Ghunnah*

Sebelum ini saya hanya memaparkan kartun dan menunjukkan cara pergerakan bagi setiap huruf sahaja, namun dengan penciptaan grafik ini, saya mampu menambah baik amalan P&P saya dan mampu menarik minat murid dalam mempelajari hukum *Idgham Maal Ghunnah*. Ini dapat dibuktikan melalui nota lapangan saya pada P&P 3 iaitu pada 12 Julai 2012 selepas ujian pos dilakukan.




Rajah 6: Catatan Nota Lapangan P&P 3 (12 Julai 2012)

Berdasarkan catatan nota lapangan P&P 3 menunjukkan bahawa saya telah berjaya meningkatkan amalan P&P sendiri saya dengan penghasilan ringkasan grafik *Idgham Maal Ghunnah* dalam menarik minat mereka mempelajari hukum Tajwid *Idgham Maal Ghunnah*.

### Sejauh manakah keberkesanan penggunaan kaedah ilustrasi kartun, pergerakan dan nyanyian dapat mengatasi masalah mengingat huruf-huruf *Idgham Maal Ghunnah* dalam kalangan murid tahun 4 Intan?

Berdasarkan hasil dapatan ujian pra dan pos menunjukkan peratus paling tinggi ujian pra ialah pada tahap sangat lemah iaitu 60% manakala peratus paling tinggi dalam ujian pos ialah 100% dan yang paling membanggakan ialah berada pada tahap cemerlang. Ini menunjukkan peningkatan yang sangat ketara dalam ujian pos, dimana semua murid dapat menguasai dan tiada murid pada tahap sangat lemah, lemah dan sederhana.

Selain itu, saya sempat menemubual beberapa peserta kajian saya dalam menilai keberkesanan gabungan kaedah ini. Berikut merupakan transkrip temu bual saya dan Murid 5 yang mempunyai tahap akademik yang lemah dan tergolong dalam murid yang sangat lemah dalam ujian pra.



Rajah 7 : Temu bual bersama murid 5

Berdasarkan transkrip temu bual salah seorang peserta kajian menunjukkan bahawa Murid 5 sangat mudah menggunakan gabungan ketiga-tiga kaedah ini dalam mengingat huruf *Idgham Maal Ghunnah*.

Hasil dapatan soal selidik pula menunjukkan bahawa seramai 22 orang murid, iaitu keseluruhan peserta kajian memilih penggunaan kaedah ilustrasi kartun, nyanyian dan pergerakan sebagai satu kaedah yang berkesan dan boleh meningkatkan kemahiran mengingat murid terhadap huruf *Idgham Maal Ghunnah*. Dapatan ini disokong berdasarkan kajian lepas Wan Bakar (1988), kepelbagaian strategi dalam P&P sebenarnya boleh mencapai objektif P&P dan mengukuhkan ingatan murid terhadap isi pelajaran.

### **Refleksi Penilaian tindakan**

Penggunaan gabungan kaedah Ilustrasi kartun, nyanyian dan pergerakan menunjukkan impak yang positif dalam menambah baik amalan P&P saya dan membantu peserta kajian mengingat huruf *Idgham Maal Ghunnah*. Kepelbagaian kaedah yang digunakan telah berjaya membantu peserta kajian mengingat huruf *Idgham Maal Ghunnah* dalam pelbagai cara. Namun, penggunaan gabungan kaedah ini mempunyai kekuatan dan kelemahannya yang tersendiri.

Kekuatan penggunaan kaedah ilustrasi kartun, nyanyian dan pergerakan ialah memberi suntikan motivasi dan memberi keseronokan kepada peserta kajian semasa sesi P&P berlangsung. Penggunaan kaedah-kaedah ini melibatkan kecerdasan muzikal dan bahan konkrit yang membantu mengukuhkan ingatan peserta kajian terhadap huruf *Idgham Maal Ghunnah*. Selain itu, pembelajaran boleh berlaku apabila peserta kajian melihat kartun boboiboy dan mengaitkan kartun tersebut dengan bilangan huruf *Idgham Maal Ghunnah*. Peserta kajian juga boleh mengembangkan pengetahuan ini kepada rakan-rakan atau adik beradik mereka dengan cara yang sangat mudah dan sinonim dengan diri murid.

Manakala, kelemahan pada penggunaan gabungan kaedah ini pula ialah pelaksanaan sebelum menjalankan tindakan perlu dibuat dengan rapi dan tersusun agar murid-murid faham dan mudah menggunakan kaedah ini. Penerangan yang kurang berkesan terhadap penggunaan kaedah ini menjadikan murid keliru dan tidak faham terhadap pengaplikasian kaedah ini dalam membantu mengingat huruf *Idgham Maal Ghunnah*. Justeru, kelemahan ini perlu dibaiki bagi meningkatkan kualiti dan keberkesanan penggunaan gabungan kaedah ilustrasi kartun, nyanyian dan pergerakan semaksima yang mungkin.

### **Refleksi Pembelajaran Kendiri**

Sebelum menjalankan kajian, saya tidak pernah menggunakan kaedah ilustrasi kartun, nyanyian dan pergerakan dalam pengajaran hukum tajwid. Saya hanya menggunakan kaedah tradisional dalam P&P. Ini merupakan kali pertama saya mencuba gabungan kaedah-kaedah ini dalam meningkatkan kemahiran mengingat murid terhadap huruf *Idgham Maal Ghunnah*. Apabila melihat penglibatan yang aktif dan murid-murid menunjukkan minat, ini dapat menambah tahap keyakinan saya dalam menjalankan kajian.

Selain itu, saya turut menyedari bahawa saya perlu lebih prihatin terhadap masalah-masalah pembelajaran yang dihadapi oleh murid-murid agar saya dapat

mengatasi masalah pembelajaran mereka. Sepanjang penyelidikan ini, saya telah membaca pelbagai bahan-bahan ilmiah yang sememangnya mendatangkan manfaat dan faedah kepada saya sebagai guru Pendidikan Islam. Saya telah mendapat pelbagai input baharu dan merenung semula amalan profesionalisme sebagai seorang guru.

Dalam kajian ini, murid-murid telah didedahkan dengan gabungan kaedah ilustrasi kartun, pergerakan dan nyanyian sebagai langkah untuk meningkatkan kemahiran mengingat murid terhadap huruf-huruf *Idgham Maal Ghunnah*. Walaupun terdapat kritikan daripada orang perorangan yang mengatakan huruf-huruf *Idgham Maal Ghunnah* amat sedikit dan mudah untuk diingati namun bagi saya sebagai seorang guru kita perlu berinisiatif dalam mencari alternatif terbaik untuk memudahkan murid-murid disamping dapat menarik minat mereka untuk mempelajari hukum tajwid. Dengan pengaplikasian pelbagai kaedah dalam P&P, penglibatan secara aktif di dalam kelas juga dapat diperhatikan (Mustafa al-Khin, 1992). Selain itu, murid-murid yang lemah dari segi daya ingatan boleh ditingkatkan melalui kaedah-kaedah ini.

Hasil kajian juga turut menyedarkan saya bahawa setiap murid mempunyai cara yang berbeza untuk mengingat sesuatu pembelajaran. Analisis daripada soal selidik mendapati bahawa terdapat segelintir murid mempunyai persepsi dan pilihan yang tersendiri dalam mengingat sesuatu pembelajaran. Namun, dapatan kajian menunjukkan seramai 22 orang menyukai kaedah ilustrasi kartun, nyanyian dan pergerakan memudahkan mereka mengingat huruf-huruf *Idgham Maal Ghunnah*.

#### **Cadangan tindakan untuk kitaran seterusnya**

Pada masa akan datang saya bercadang untuk melanjutkan kajian ini untuk kitaran yang seterusnya sekiranya saya berdepan dengan isu pembelajaran yang sama. Saya ingin melanjutkan kajian ini melalui penggunaan kaedah ilustrasi kartun, nyanyian dan pergerakan yang telah saya aplikasikan dalam meningkatkan kemahiran mengingat huruf *Idgham Maal Ghunnah* dalam hukum tajwid yang lain. Terutamanya dalam hukum *nun mati dan tanwin*. Ini kerana hukum *nun mati dan tanwin* hanya mempunyai lima hukum iaitu hukum *Iklab, Idgham Maal Ghunnah, Idgham Bila Ghunnah, dan Izhar Halki dan Ikhfaa Hakiki*. Bilangan hukum yang sedikit ini membolehkan guru-guru lain memikirkan perancangan kaedah ilustrasi kartun, nyanyian dan pergerakan dalam mengingat huruf sesuatu hukum tajwid.

#### **RUJUKAN**

- Ahmad Mohd Salleh (2008). *Pengajian Agama Islam & j-QAF Metodologi dan Pedagogi Pendidikan*, Shah Alam, Selangor, Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Davis, (1997). Can quality in learning be enhanced through the use of IT? In Brideget Somekh & Niki Davis, *Using Information Technology Effectively In teaching and Learning*. Routledge 29 West 38th Street, New York.
- Lai Kim Leong, Khaw Ah Hong & Seah Ai Kuan (2001). Satu kajian mengenai penggunaan bahan bantu mengajar dalam pengajaran pembelajaran Matematik di sekolah rendah. *Kertas kerja Seminar Penyelidikan Pendidikan Sains dan Matematik*. Sarawak: Maktab Perguruan Batu Lintang.
- Mann, (1970), *The Collage Classroom*. New York: Willey.

- Mohammad Khairul Bazli Draman, (2011). *Pemilihan bahan kartun sebagai bahan bantu mengajar untuk subjek kemahiran hidup bagi meningkatkan kefahaman dan minat murid-murid*. Kuala Perlis. Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis.
- Mok Soon Sang, Lee Shok Mee. (1989). *Latihan Mengajar Untuk Maktab Perguruan*. Kuala Lumpur. Kumpulan Budiman Sdn Bhd.
- Mohd Sofwan (1995). *Cara mudah belajar tajwid al-Qur'an*, Batu Caves, Selangor, Pustaka Ilmi.
- Noorhidayah Mahmood. (2011). *Meningkatkan Kemahiran membaca Al-quran Idgham Maal Ghunnah menggunakan Kaedah nyanyian*. Kuala Perlis. Institut Pendidikan Guru Kampus Perlis.
- Salihan Saias, (1998). *Strategi Pengajaran Cemerlang*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Abdullah al-Amin al-Na'miy.(1994). *Kaedah Dan Teknik Pengajaran Menurut Ibnu Khaldun Dan Al-Qabisi*. Dewan Bahasa Dan Pustaka. Kuala Lumpur.